



KENYATAAN MEDIA

KPWKM HARAP VAKSIN COVID-19 UNTUK KANAK-KANAK DIPERCEPATKAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius perkembangan terkini peningkatan kes COVID-19 dalam kluster pendidikan yang melibatkan murid, guru dan kakitangan sekolah. Oleh yang demikian, Kementerian berharap agar pemberian vaksin untuk kanak-kanak dapat dipercepatkan.

Pada masa ini tahap keberkesanan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun masih lagi dalam peringkat kajian. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab menjaga kepentingan kanak-kanak di Malaysia, usaha memerangi pandemik COVID-19 harus mengambil kira keperluan golongan ini.

Kementerian menzahirkan rasa kebimbangan kerana kanak-kanak merupakan kumpulan yang tidak tersenarai untuk menerima vaksin dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sama ada dalam fasa pertama, kedua maupun yang ketiga sedangkan kanak-kanak juga merupakan golongan yang berisiko mendapat jangkitan COVID-19.

Kementerian komited dalam usaha membantu pihak Kerajaan memastikan sekurang-kurangnya 60 peratus rakyat perlu divaksinkan bagi mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Kementerian akan berhubung dan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) untuk memastikan kebijakan dan kesihatan kanak-kanak di negara ini terus terpelihara.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 APRIL 2021**